

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**[ KLANG ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa ekuiti orang India kekal pada 1.6 peratus walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti orang India dalam Rancangan Malaysia ke-11.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti korporat kaum India sebenarnya telah semakin meningkat melalui pelbagai langkah dan inisiatif Kerajaan iaitu seperti berikut:

PERCANTIKAN PEGUANGAN KORPORAT DAN PEMERKASAAN KONSEP KONSEP KONSEP KONSEP KONSEP KONSEP KONSEP						
Bumiputera	127.41	21.9	211.53	23.5	17.53	67.4
Cina	203.09	34.9	290.35	32.2	6.40	24.6
<b>India</b>	<b>9.56</b>	<b>1.6</b>	<b>21.27</b>	<b>2.4</b>	<b>1.90</b>	<b>7.3</b>
Lain-lain	0.70	0.10	2.84	0.3	0.18	0.7
Nomini	20.55	3.5	40.96	4.5	T.B	T.B
Asing	220.53	37.9	335.18	37.2	T.B	T.B
<b>Jumlah</b>	<b>726.41</b>	<b>100</b>	<b>902.12</b>	<b>100</b>	<b>26.01</b>	<b>100</b>

\* Nota: Maklumat terkini adalah setakat tahun 2011. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sedang mengemaskini maklumat ekuiti korporat tahun 2012 dan 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa komited dan berusaha menyediakan pelbagai perancangan dan program dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan memberi faedah terus kepada masyarakat India. Antara usaha yang akan dilaksanakan adalah:

- (i) Skim unit amanah saham seperti Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham 1Malaysia dan Amanah Saham Gemilang akan diperluaskan lagi untuk meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India. Program kesedaran mengenai manfaat melabur dalam skim itu akan terus dipertingkatkan lagi untuk menyertai skim ini;
- (ii) Program sokongan keusahawanan bersepadu akan ditingkatkan untuk mempelbagaikan ekonomi dan aktiviti yang menjana pendapatan untuk usahawan-usahawan mikro, kecil dan sederhana, termasuk kaum India; dan
- (iii) Program pembangunan sahsiah dan pembangunan sosioekonomi India akan diteruskan bagi memberi latihan kemahiran, keusahawanan, peningkatan pencapaian pendidikan dan peningkatan sahsiah diri.

Selain daripada program dan langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, peranan badan-badan yang mewakili kepentingan kaum India juga akan dipertingkatkan. Melalui pelbagai program dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan, Kerajaan yakin taraf ekonomi kaum India akan dapat dipertingkatkan sejajar dengan matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.